

Pulihkan semula Johor

Oleh YULPISMAN ASLI
(WARTAWAN UTUSAN)

u.m m/s 10

10.2.07

SETELAH melalui pengalaman getir mengharungi banjir besar dalam tempoh kurang sebulan, tumpuan utama kerajaan negeri Johor kini ialah ke arah memulihkan semula negeri itu.

Proses pemulihan itu bagaimanapun bukanlah tugas mudah, apatah lagi melihat kepada bilangan mangsa yang dianggarkan kira-kira 48,000 keluarga.

Gelombang pertama banjir besar yang melanda Johor sejak 19 Disember lalu menyebabkan 148,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan, manakala sejumlah 134,000 penduduk terpaksa dipindahkan ketika gelombang kedua bencana tersebut menyusul tiga minggu selepas itu.

Harta benda dan kemudahan infrastruktur yang musnah dalam bencana dua fasa itu juga memerlukan peruntukan kewangan yang bukan sedikit untuk dipulihkan.

Lebih daripada itu, bencana menimpa ketika kerajaan negeri dalam proses melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Kerajaan Pusat sebelum ini menganggarkan kerugian akibat banjir besar itu berjumlah kira-kira RM1.5 bilion.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bagaimanapun tetap optimis dan menyatakan keazaman, te-

bergantung kepada sektor atau bidang tertentu.

Misalnya, sektor pengangkutan yang rosak teruk, dijangka diberi fokus utama kerana infrastruktur merupakan nadi kepada kehidupan penduduk Johor sekarang.

Kerajaan Pusat sebelum ini menganggarkan sejumlah RM350 juta perlu dibelanjakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membaik pulih infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya yang rosak akibat bencana itu.

Sektor lain seperti pertanian termasuk ternakan yang dilapor mengalami kerugian lebih RM70 juta, dijangka mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih sepenuhnya.

Mengimbas kembali bencana tersebut, Menteri Besar Johor itu menyifatkan banjir besar yang dikatakan berpunca daripada pemanasan global, merupakan 'pengalaman luar biasa' bagi rakyat negeri Johor apabila ia menenggelamkan lapan daerah, 870 kampung dan 111 taman-taman perumahan di bandar serta luar bandar.

Membantu

Untuk itu, beliau menyatakan kesediaan kerajaan negeri menyusun semula peruntukan yang sebelum ini disalurkan bagi projek tertentu, digunakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir, tanpa menjejaskan kegiatan pemba-



PROSES membangunkan semula kawasan-kawasan yang dilanda banjir di Johor mengambil masa yang agak lama.

Kerajaan Pusat sebelum ini menganggarkan kerugian akibat banjir besar itu berjumlah kira-kira RM1.5 bilion

... dan menyuarakan keazaman, te-
kad serta komitmen beliau untuk mengem-
balikan 'era kegemilangan' Johor sebelum dilanda musibah tersebut.

Apa yang pasti, jelas beliau, tahun 2007 merupakan tempoh untuk memulihkan semula kegiatan ekonomi, kemudahan awam dan juga melaksanakan pelaburan di negeri itu.

"Johor akan pulih segera," katanya penuh yakin dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bagaimanapun, Abdul Ghani menegaskan, pemulihan semula Johor banyak bergantung kepada proses memulihkan kehidupan mangsa-mangsa banjir itu sendiri.

"Bagaimana keluarga ini dapat memulihkan kehidupan mereka selepas kehilangan harta benda yang diusahakan mungkin sejak 30 tahun lalu. Ini merupakan cabaran besar," akunya.

Justeru katanya, segala bentuk bantuan yang diterima akan diagihkan segera untuk mempercepatkan proses pemulihan.

Bagaimanapun, tempoh sebenar yang diperlukan untuk menjayakan keseluruhan proses pemulihan itu kata beliau,

... tanpa menjejaskan kegiatan pembangunan ekonomi.

Abdul Ghani turut mengutarakan beberapa strategi jangka pendek dan panjang bagi menghadapi kemungkinan bencana serupa pada masa hadapan.

Strategi itu juga dijangka dapat meminimumkan kemusnahan harta benda dan kerugian yang terpaksa ditanggung sama ada di pihak kerajaan mahupun rakyat.

Antaranya, membaiki tebing-tebing sungai, mendalamkan sungai-sungai dan mewujudkan sistem tebatan banjir di beberapa limbangan sungai utama seperti Sungai Johor, Sungai Muar, Sungai Batu Pahat dan Endau yang dianggarkan memakan belanja begitu besar.

Mengambil kira kesediaan kerajaan menyalurkan peruntukan lebih RM700 juta untuk membina empangan dan perparitan di Pontian dan Batu Pahat sekitar tahun 1970-an, maka beliau optimis cadangan membina sistem tebatan di limbangan sungai itu akan mendapat perhatian Kerajaan Pusat.

"Pada ketika itu, (1974), jumlah tersebut (lebih RM700 juta) adalah besar, tetapi demi kesejahteraan rakyat kerajaan sanggup berbelanja," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan mengenai program pencegahan banjir di Johor yang teruk dilanda bencana itu pada Disember dan Januari lalu.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, cadangan itu akan dijadikan asas dalam pelaksanaan projek pencegahan banjir yang perlu dilaksanakan tahun ini juga.

Jelas beliau, kerajaan tahu projek itu akan memakan belanja yang besar tetapi ia perlu dilaksanakan kerana tidak mahu melihat beban akibat banjir ditanggung oleh orang ramai berulang kali.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Keizrul Abdullah dalam reaksi segeranya berkata, JPS akan mempercepatkan kajian tersebut dan dijangka selesai dalam tempoh tiga hingga empat bulan.

Mengikut laporan, kerajaan memerlukan peruntukan di antara RM3.6 bilion dan RM9 bilion untuk melaksanakan projek tebatan banjir di Johor bagi mengurangkan kesan buruk akibat bencana tersebut.

Dalam pada itu, Abdul Ghani yang

kagum dengan keazaman rakyat Johor, turut menyuarakan komitmen kerajaan negeri untuk menjayakan RMK-9, selain "memberikan pengisian di Wilayah Iskandar (kawasan pembangunan koridor selatan), walaupun berdepan dengan cabaran besar."

Ia untuk memastikan Johor dan rakyatnya terus berada dalam arus perdana pembangunan negara.

Pada masa sama, beliau melahirkan penghargaan dan keyakinan penuh terhadap usaha yang dimainkan oleh Kerajaan Pusat, pihak swasta yang menghulurkan pelbagai bentuk bantuan, dalam membantu proses pemulihan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut dijangka mengumumkan beberapa projek pembangunan yang bakal dilaksanakan menerusi pelan tindakan dan pengisian projek Wilayah Iskandar bagi memajukan lagi Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya.

"Saya percaya bantuan daripada pihak kerajaan besar maknanya kepada mereka (mangsa banjir) untuk memulakan kembali kehidupan yang telah musnah," kata Abdul Ghani.